

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE**  
**KAWASAN : SANDAKAN**

**SOALAN NO. 480**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Pakej 27 (Batu 32 – Kampung Lot M) dan Pakej 27A (Libaran Bypass).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kemajuan Pakej Kerja 27 yang melibatkan jajaran Kg Lot M ke Sandakan Mile 32 kini telah mencapai 73% sehingga Oktober 2020.

Cadangan pelaksanaan projek untuk menaiktaraf Jalan Lintas Libaran yang menghubungkan jajaran Lebuhraya Pan Borneo dari persimpangan Sandakan Mile 32 ke bulatan Gum-Gum dengan anggaran jarak keseluruhan 22.5 km bukan merupakan skop asal pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah semasa menandatangani perjanjian bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah menerima permohonan Kerajaan Negeri Sabah supaya jajaran tersebut turut dimasukkan sebagai skop tambahan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Sekian, terima kasih.